# PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

## PEKELILING PTPTN BILANGAN 3 TAHUN 2003

### PERMOHONAN KENAIKAN KADAR PINJAMAN PENDIDIKAN

Adalah dimaklumkan bahawa PTPTN telah menetapkan tiga kadar pinjaman pendidikan mulai Sesi Mei 2003. Penetapan tiga kadar pinjaman ini dibuat setelah mengambilkira kedudukan dana semasa berbanding dengan pertambahan bilangan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Politeknik yang layak diberikan pinjaman PTPTN.

2. Penetapan kadar pinjaman adalah berasaskan pendapatan bulanan ibu/bapa/penjaga pelajar seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| (i) | RM4001 dan ke atas | - | kadar yuran |
| (ii) | RM2001 – RM4000 | - | kadar sebahagian |
| (iii) | RM2000 dan ke bawah | - | kadar penuh |

3. Walau bagaimanapun, PTPTN bersedia untuk mempertimbangkan permohonan kenaikan kadar daripada pelajar-pelajar yang diberikan pinjaman atas kadar yuran dan kadar sebahagian. Kelulusan permohonan tertakluk kepada perkara berikut:

(i) PTPTN mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menampung keperluan kenaikan kadar.

(ii) Pelajar mampu membuktikan keperluan dengan mengemukakan dokumen yang disahkan seperti slip gaji ibu/bapa/penjaga, salinan surat beranak untuk anak-anak dalam tanggungan, salinan surat pengesahan sakit, salinan surat pemberhentian kerja, pencen dan sebagainya.

4. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPT masing-masing mengikut format di Lampiran A.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABD. WAHAB ABD. AZIZ)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

24 Julai 2003

LAMPIRAN A

# PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

## BORANG PERMOHONAN KENAIKAN KADAR PINJAMAN PENDIDIKAN

Perhatian:

1. Penetapan kadar pinjaman samada kadar yuran pengajian, kadar sebahagian atau kadar penuh adalah berasaskan pendapatan bulanan ibu/bapa/penjaga pelajar berbanding dengan peruntukan semasa PTPTN. Penetapan kadar pinjaman semasa adalah berasaskan pendapatan bulanan berikut:
   - (i) RM4001 dan ke atas - kadar yuran
   - (ii) RM2001 – RM4000 - kadar sebahagian
   - (iii) RM2000 dan ke bawah - kadar penuh

2. Pelajar yang diberikan kadar yuran dan kadar sebahagian boleh memohon kenaikan kadar dan kelulusannya adalah tertakluk kepada perkara berikut:
   - (i) PTPTN mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menampung keperluan kenaikan kadar.
   - (ii) Pelajar mampu membuktikan keperluan dengan mengemukakan dokumen yang disahkan seperti slip gaji ibu/bapa/penjaga, salinan surat beranak untuk anak-anak dalam tanggungan, salinan surat pengesahan sakit daripada doktor perubatan, salinan surat pemberhentian kerja, kad pesara dan sebagainya.
3. Mengemukakan permohonan yang lengkap melalui Bahagian HEP IPT masing-masing. Permohonan melalui cara-cara lain tidak akan dilayan.

| UNTUK KEGUNAAN PEJABAT | |
|---|---|
| Ruj | |
| Tarikh terima | |

### A. BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMOHON

Nama/ Alamat Surat Menyurat: ____________________

No. Telefon: ____________________

No. K/P Baru: ____________________

No. K/P Lama: ____________________

## B. MAKLUMAT PINJAMAN PTPTN

No. Pinjaman Pendidikan: PTPTN/SPP/______________________

Nama IPTA/IPTS/Politeknik: ______________________

Nama Kursus/Jurusan : ______________________

## C. SEBAB-SEBAB PERMOHONAN KENAIKAN KADAR

1 – Pendapatan bersih bulanan tidak mencukupi (Nyatakan jumlah pendapatan bersih) : RM__________

Nombor cukai pendapatan bapa/penjaga ialah: ______________________

Nombor cukai pendapatan ibu ialah: ______________________

2 – Tanggungan yang ramai (Sila sertakan salinan surat beranak)

| BIL | NAMA | HUBUNGAN | UMUR | TAHAP PENDIDIKAN /NAMA SEKOLAH/IPT |
|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | |
| 2 | | | | |
| 3 | | | | |
| 4 | | | | |
| 5 | | | | |
| 6 | | | | |
| 7 | | | | |
| 8 | | | | |
| 9 | | | | |
| 10 | | | | |
| | | | | |

| 3. Sebab-sebab lain (Nyatakan dan sertakan dokumen sokongan ) |
|---|
| |
| |
| |
| |

## D. PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa semua maklumat di atas adalah benar dan faham bahawa tindakan boleh diambil terhadap saya termasuk membatalkan pinjaman sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar termasuk membatalkan kelulusan permohonan ini.

Tarikh : ____________________ Nama Pelajar: ____________________

## E. ULASAN HEP

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

Tarikh : ____________________ Tandatangan & Cop : ____________________